



## "MAAL HIJRAH : PEMBINAAN KEPERIBADIAN YANG UNGGUL"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَالَّذِينَ إِيمَنُوا وَهَا جَرُوا  
وَجَهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ آتَوْا وَنَصَرُوا  
أُولَئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًا لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أُوْصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
الَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُم مُسْلِمُونَ.



## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan. Iaitu dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa seterusnya berjaya dan selamat di dunia dan akhirat.

Bersempena dengan sambutan Maal Hijrah tahun 1435 kali ini marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk: "**“MAAL HIJRAH : PEMBINAAN KEPERIBADIAN YANG UNGGUL”**".

## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Awal Muharam dan masuknya tahun baru hijrah pada setiap tahun mengingatkan kita semua kepada peristiwa penghijrahan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat ke Madinah al-Munawwarah. Setelah hampir 13 tahun menyebar dan mempertahankan Islam dengan pelbagai cabaran dan rintangan di Mekah kaum muslimin akhirnya berhijrah ke Madinah. Bersempena dengan peristiwa penghijrahan yang bersejarah ini akhirnya diisytiharkan oleh Saidina Umar RA selaku khalifah ketika itu sebagai permulaan takwim dan kalender Islam.

Penghijrahan Rasulullah SAW dan para sahabat RA secara umum adalah bertujuan menyelamatkan akidah, syariat dan akhlak masyarakat. Selain itu ia bertujuan memantapkan penghayatan Islam sebagai cara hidup serta mengembangkan risalah Islam ke seluruh dunia. Peristiwa hijrah merupakan titik tolak perubahan yang paling besar dalam sejarah umat Islam yang akhirnya membawa kepada terbinanya sebuah negara Islam yang



unggul. Peristiwa hijrah ini sewajarnya dihayati oleh generasi hari ini agar Islam dapat terus didaulatkan di muka bumi Allah SWT ini.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Hadis daripada Ibnu Abbas RA bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

لَا هِجْرَةٌ بَعْدَ الْفَتْحِ وَلَكِنْ جِهَادٌ وَنِيَّةٌ

"Tiada lagi hijrah (sebagaimana hijrah dari kota Mekah ke kota Madinah) selepas pembukaan kota Mekah, akan tetapi yang ada adalah hijrah dalam konteks jihad (melawan hawa nafsu) dan niat (iaitu keazaman)".

(Riwayat Al-Bukhari)

Penghayatan daripada hadis Nabi SAW di atas, dapatlah kita fahami bahawa hijrah antara lain bermaksud meninggalkan satu-satu kepercayaan, pengamalan dan keperibadian iaitu daripada jahil kepada berilmu, daripada yang tidak baik kepada yang baik dan daripada yang kurang kepada yang sempurna.

Penghayatan kepada peristiwa hijrah yang akhirnya membawa kepada terbinanya sebuah negara Islam di Madinah memperlihatkan kita perlunya proses pembangunan dan pembentukan insan. Sesungguhnya Rasulullah SAW telah mendidik dan membangunkan insan dengan menekankan aspek akidah, syariah dan akhlak. Justeru, bagi membentuk keluarga, masyarakat dan negara Islam unggul maka pembangunan dan pembentukan insan atau individu muslim itu terlebih dahulu perlu dititikberatkan.



## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Tahun yang lalu umat Islam menghadapi cabaran yang antaranya penyalahgunaan isu Kalimah Allah oleh orang bukan Islam. Perkembangan fahaman syiah dan ajaran-ajaran sesat dan menyeleweng daripada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Maka oleh yang demikian umah Islam hendaklah memperkuuhkan proses pembangunan insan. Antaranya:

Pertama : Akidah yang sahih dan syariat yang sejahtera.

Akidah yang sejahtera bermaksud kepercayaan sahih yang berpandukan Al-Quran dan Al-Sunnah serta selamat daripada sebarang faktor-faktor kecelaruan, penyelewengan dan kesesatan. Bermula dengan akidah yang sahih maka ia akan membawa kepada pengamalan syariat yang sejahtera. Sesungguhnya akidah dan syariat Islam itu merupakan garis panduan dalam kehidupan. Sekiranya setiap individu Muslim menjadikan Islam sebagai cara hidup maka kesejahteraan hidup akan dapat dicapai dalam keluarga, masyarakat dan negara.

Firman Allah SWT di dalam surah surah al-Nur ayat 52:

وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَتَخَشَّنَ اللَّهَ وَيَتَّقِهِ  
فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ



*"Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya dan takut melanggar perintah Allah serta menjaga dirinya jangan terdedah kepada azab Allah maka mereka lah orang-orang yang beroleh kejayaan".*

Kedua : Budi pekerti yang mulia dan akhlak yang tinggi.

Pembangunan insan dari sudut pembentukan akhlak, nilai dan budi pekerti yang mulia adalah antara tujuan utama seluruh para rasul diutuskan. Justeru, setiap individu Muslim itu seharusnya mencerminkan Islam dari sudut akhlaknya yang indah dengan bersikap sentiasa benar dan tidak berdusta, adil, jujur lagi amanah, menepati janji, serius dan bersungguh-sungguh dalam setiap urusan, berani dalam menyatakan yang hak, bersikap penyayang dan sebagainya. Hakikatnya, akhlak atau keperibadian dalam Islam mempunyai kaitan dengan kepercayaan dan pengamalan. Apabila benar kepercayaan atau akidahnya maka indahlah pengamalan dan akhlaknya dan begitulah juga yang sebaliknya.

Ketiga : Berpengetahuan dan memberi manfaat kepada yang lain

Sesungguhnya pembangunan dan kemajuan sesebuah negara adalah hasil daripada wujudnya individu masyarakat yang berpengetahuan luas dan sedia memberikan manfaat kepada yang lain. Antara pengetahuan yang perlu dititikberatkan dalam pembangunan insan ialah pengetahuan dan kefahaman



berkaitan akidah, syariat dan akhlak Islam seperti yang pernah dicapai ketika di zaman kegemilangan Islam. Selain pengetahuan diplomasi dan hubungan antara kaum, agama dan masyarakat antarabangsa. Apabila wujudnya individu berpengetahuan luas dan sering memikirkan apakah manfaatkan yang dapat disumbangkan kepada yang lain maka negara pastinya dapat mencapai kebaikan, kemajuan dan kesejahteraan.

Keempat : Sihat tubuh badan dan mampu mengusahakan sesuatu.

Sesungguhnya akal yang baik itu terletak pada tubuh badan yang sihat. Setiap individu Muslim seharusnya peka terhadap penjagaan kesihatan, tubuh badan dan makan minumnya agar dia sentiasa aktif dan besemangat dalam urusan dunia dan akhiratnya. Umat Islam hendaklah menjauhi perkara-perkara yang diharamkan seperti penyalahgunaan dadah, menghisap syisia, rokok dan sebagainya yang boleh merosakkan fikiran dan tubuh badan kita.

Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ  
مِنَ الْمُؤْمِنِ الْضَّعِيفِ وَفِي كُلِّ خَيْرٍ،



اَحْرِصْ عَلَىٰ مَا يَنْفُعُكَ وَاسْتَعِنْ بِاللّٰهِ  
وَلَا تَعْجِزْ

"Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah daripada mukmin yang lemah. Namun masing-masing ada kebaikan. Bersungguh-sungguhlah meraih apa yang manfaat untukmu dan mohonlah pertolongan kepada Allah dan janganlah bersikap lemah."

(Riwayat Muslim)

Kelima : Berdisiplin, Istiqamah dan bersistematik.

Individu yang berdisiplin, Istiqamah dan bersistematik merupakan mereka yang mempunyai potensi berjaya dalam setiap apa yang diusahakan dengan berbekalkan pengetahuan yang luas. Individu sebegini mampu memikul tanggungjawab dengan sempurna untuk menguruskan diri, keluarga, masyarakat dan agama.

Kesemua aspek tersebut mestilah sesuai dengan kehendak Islam. Dengan wujudnya individu muslim yang cemerlang pastinya dapat melahirkan keluarga, masyarakat dan akhirnya negara Islam yang unggul. Sebuah ungkapan yang masyhur menyatakan bahawa:



أَقِيمُوا دَوْلَةً إِسْلَامِيَّةً فِي قُلُوبِكُمْ تَقْمِنْ لَكُمْ فِي أَرْضِكُمْ

"Tegakkanlah Islam dalam dirimu nescaya Islam tertegak di atas bumimu."

### Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Kesimpulan yang dapat dirumuskan daripada khutbah hari ini ialah:

- 1) Peristiwa penghijrahan Nabi SAW dan para sahabat RA ke Madinah dan terbentuknya sebuah negara Islam hendaklah dijadikan titik tolak dalam memacu perubahan kehidupan umat Islam hari ini.
- 2) Umat Islam hari ini hendaklah melaksanakan penghijrahan daripada kejahilan kepada keilmuan, kesesatan kepada kebenaran, kemunduran kepada kemajuan, kekurangan kepada kesempurnaan dan perpecahan kepada perpaduan.
- 3) Setiap individu dalam sesebuah masyarakat hendaklah dibangunkan dengan sebaiknya sama ada dari aspek kepercayaan, pengamalan dan keperibadian, rohani dan jasmani serta fizikal dan material sesuai dengan kehendak Islam.
- 4) Kita hendaklah menjadi individu-individu Muslim yang cemerlang supaya dapat melahirkan keluarga, masyarakat dan negara Islam unggul.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
الَّذِينَ إِمَانُوا وَهَا جَرُوا وَجَاهُدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ  
بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأَوْلَئِكَ  
**هُمُ الْفَاجِرُونَ**



"(Sesungguhnya) orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang-orang yang hanya memberi minum orang-orang Haji dan orang yang memakmurkan masjid sahaja); dan mereka itulah orang-orang yang berjaya".

(At-Taubah : 20)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ,  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالدِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُ, إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.



أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَائِهَا الْذِينَ إِذَا مَنُوا صَلَوَا عَلَيْهِ  
وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذْرِيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ



لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَا  
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَةَ أَنْ تَحْفَظَ  
بَعَيْنِ عِنَائِتِكَ الرَّبَانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،  
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاغُورِ، سُلْطَانَ  
شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ  
سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .  
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَىْةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ



الْحَاجُ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا  
ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ  
لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا  
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ。

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuatkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau wajibkan. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah



golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian juga Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللهِ، إِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَمِهِ يَزْدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.